

[ILMU MANTIK DAN ISU AKIDAH KONTEMPORARI]

MANTIQ AND CONTEMPORARY FAITH ISSUES

¹RAZALI MUSA,

¹MUHAMMAD RASHIDI WAHAB

¹MOHD FAIZUL AZMI

¹ Fakulti Pengajian Kontemporari Islam,
Universiti Sultan Zainal Abidin,
Kampus Gong Badak,
21300 Kuala Nerus,
Terengganu, MALAYSIA

*Corresponding author: murazali@unisza.edu.my

Received Date: 10 April 2020 • Accepted Date: 22 July 2020

Abstract

Logic is a knowledge that related to logical thinking methods with aims to overcome the issues of mistakes in thinking. In Ahli Sunnah wal Jama'ah scholars tradition, logic are used to defend Islamic faith from thought's attacks that brought by deviant groups like Jewish, Christian, Mu'tazilah, atheist and others. This situation has made logic as one of the important knowledge in discourse of Islamic studies until today. Therefore, this paper explore one of the selected contemporary faith issue, which is the using of word "Allah SWT" by non-Muslim, by applying definition discussion in logic. Through content analysis method, this research revealed that the using of word "Allah SWT" by non-Muslim is not in-line with logic methods. Moreover, it will lead to confusion of thought and create prolonged polemics between Muslim and non-Muslim in Malaysia.

Keywords: *Logic, Belief, Islamic Thought.*

Abstrak

Mantik merupakan ilmu yang berkaitan kaedah-kaedah pemikiran logik dalam menangani kesalahan berfikir. Ia menetapkan langkah-langkah sistematik yang perlu diambil bagi mencapai sesuatu keputusan dan mengelak daripada terjebak ke dalam kesalahan berfikir. Ulama silam telah menggunakan kaedah-kaedah ilmu Mantik untuk menolak serangan-serangan pemikiran yang cuba mengelirukan akidah dan pegangan umat Islam. Akidah Islam tetap kukuh dan utuh sehingga hari ini, walaupun diancam oleh pelbagai pemikiran menyeleweng Yahudi, Kristian, Ateis dan lain-lain. Oleh itu, berdasarkan kaedah-kaedah yang ditetapkan oleh ulama Mantik dalam perbincangan takrif, makalah ini cuba mengaplikasikan satu isu kontemporari terpilih, iaitu berkaitan penggunaan kalimah Allah swt oleh bukan Islam. Menerusi kaedah analisis kandungan, kajian mendapati bahawa kebenaran penggunaan kalimah Allah swt oleh bukan Islam akan melahirkan keclaruan dalam pemikiran dan polemik yang tiada kesudahan. Malah ia tidak bertepatan dengan kaedah-kaedah ilmu Mantik yang telah disepakati oleh para ulama.

Kata kunci: Ilmu Mantik, Akidah, Pemikiran Islam

Cite as: Razali Musa, Mohd Rashidi Wahab & Mohd Faizul Azmi. 2020. Ilmu mantik dan isu akidah kontemporari. *Malaysian Journal for Islamic Studies* 4(2): 33-40.

PENGENALAN

Manusia adalah makhluk istimewa diberikan akal fikiran oleh Allah swt. Dengan akal fikiran tersebut terserlah perbezaan antara mereka dengan makhluk yang lain. Berfikir juga mempunyai kaedah-kaedah tersendiri yang menjaga manusia daripada terjebak ke dalam kesalahan dalam berfikir. Kaedah-kaedah ini yang dinamakan sebagai ilmu Mantik. Mantik didefinisikan oleh Ibn Khaldun (T.th: 541) sebagai suatu ilmu berkaitan penyusunan kaedah-kaedah pemikiran logik bagi menghindari kesalahan berfikir, iaitu sehingga manusia berjaya menghasilkan sesuatu keputusan yang meyakinkan. Sejarah membuktikan bahawa penggunaan ilmu Mantik telah dipraktikkan semenjak zaman silam oleh sebilangan ulama *Ahl al-Sunnah wa al-Jama'ah*, khususnya ketika mempertahankan akidah Islam daripada serangan aliran bidaah seperti Mu'tazilah, Shi'ah, Atheis dan lain-lain. Dengan itu, sumbangan ilmu Mantik terhadap keutuhan Islam dilihat sebagai salah satu faktor terpenting dalam catatan perkembangan pesat peradaban Islam di seluruh dunia (Mohd Fauzi, 1996: 174-213). Peranan ini terus dimainkan oleh ulama zaman terkemudian dengan memanfaatkan penggunaan ilmu Mantik untuk menyelesaikan pelbagai permasalahan umat Islam. Kelangsungan ini berlarutan sehinggalah sampai kepada generasi masa kini dengan kemunculan isu-isu akidah kontemporari yang memerlukan sentuhan ilmu Mantik tersebut.

Sebagaimana yang dimaklumi, golongan bukan Islam tidak akan menerima hujah-hujah daripada dalil naqli, kerana mereka tidak beriman dengan wahyu. Mereka hanya menerima hujah yang rasional berdasarkan pemikiran logik. Di sinilah terletak pentingnya hujah akal yang merupakan intipati daripada ilmu Mantik. Bagi menghadapi hujah-hujah mereka, kedah logik yang diterapkan dalam ilmu Mantik amat signifikan dalam situasi ini. Mereka terpaksa akur kepada hujah logik yang menjadi teras kepada pemikiran manusia.

Namun begitu, kelihatan sebilangan umat Islam berpandangan ilmu Mantik tidak mendatangkan faedah terhadap Islam, dalam erti kata lain, ilmu Mantik ditonjolkan sebagai ilmu yang tidak mampu menangani isu-isu akidah secara berkesan. Bahkan, sebahagian daripada mereka turut mendakwa bahawa haram mempelajari ilmu Mantik kerana ia boleh mendatangkan kerosakan akidah (Muhammad 'Uthman, 2008: 1/9). Tohmahan sebegini tidak berasas sama sekali, apatah lagi peranan ilmu Mantik telah terbukti kewibawaannya dalam membentengi akidah Islam daripada ancaman pelbagai aliran pemikiran sesat. Pertikaian tersebut menjadi pendorong kuat untuk mengetengahkan kembali perbincangan ilmu Mantik dalam tulisan ini bagi menangani isu-isu akidah kontemporari.

Menerusi kaedah analisis kandungan daripada pelbagai sumber primer dan sekunder berautoriti, tulisan ini akan memfokuskan suatu perbincangan tentang aplikasi ilmu Mantik dalam menangani isu akidah kontemporari, iaitu penggunaan kalimah Allah oleh bukan Islam. Contoh permasalahan kontemporari ini akan dikemukakan bagi menunjukkan keberkesanan penggunaan ilmu Mantik dalam percubaan untuk menyelesaikan isu tersebut.

ILMU MANTIK DALAM KALANGAN ULAMA SILAM

Setelah diperhatikan di antara tokoh ulama Islam yang menolak penggunaan ilmu Mantik ialah Ibn Taymiyyah (1949: 3) dengan menyatakan bahawa Mantik tidak boleh memberikan sebarang faedah dan manfaat sama ada kepada orang yang cerdik ataupun orang yang bodoh. Namun penulis melihat dakwaan sebegini dapat dipertikaikan jika para pengkaji bersedia untuk meneliti karya-karya para ulama silam tentang kepentingan dan penggunaan ilmu Mantik dalam menghasilkan sesuatu keyakinan ilmu. Namun dalam topik ini penulis hanya memaparkan ringkasan aplikasi Mantik dalam kalangan ulama silam terhadap disiplin ilmu akidah atau ilmu kalam dan ilmu fikah sahaja.

Penggunaan ilmu Mantik secara meluas dalam perbahasan akidah mempunyai kaitan dengan fenomena penyebaran pemikiran sesat dan bidaah yang dikemukakan oleh beberapa aliran pemikiran seperti Mu'tazilah dan Khawarij yang terlalu mengagungkan logik akal sehingga mengetepikan dalil daripada al-Quran dan hadis. Hal tersebut menyebabkan kesucian ajaran Islam semakin terancam dengan kemasukan unsur-unsur asing sehingga memaksa ulama Islam turut menggunakan ilmu Mantik bagi mempertahankan akidah Islam ('Abd al-Rahman, 1974: 37). Ulama Ahl al-Sunnah wa al-Jama'ah mengambil sikap pertengahan serta tidak berlebih-lebihan dalam menerima atau menolak akal sebagaimana sikap Mu'tazilah dan Hashawiyah. Al-Ghazali (1994: 21) menjelaskan bahawa keharusan menggunakan akal dalam mengemukakan hakikat-hakikat kepercayaan yang terkandung dalam dalil *naqli* mestilah mempunyai peraturan-peraturan tertentu seperti akal tidak mendahului dalil-dalil *naqli*.

Dalam hal ini, al-Ghazali dan al-Razi dilihat sebagai ulama silam yang cenderung mengadunkan penggunaan ilmu Mantik ketika membahaskan persoalan akidah melalui karya-karya berpengaruh mereka. Hasilnya usaha ini menjadi ikutan ulama selepas mereka seperti al-Baydawi, al-Amidi, al-Iji, al-Sanusi dan lain-lain lagi. Namun Ibn Taymiyyah telah mengkritik al-Ghazali dan al-Razi yang menggunakan Mantik dalam pendalilan akidah dan menganggap bahawa al-Baqillani adalah lebih baik daripada al-Ghazali atau al-Razi kerana beliau tidak memasukkan elemen perbincangan ilmu Mantik dalam perbahasan ilmu kalam dan akidah (Ibn al-'Imad, 1932: 3/169). Di antara kaedah penting dalam ilmu Mantik yang digunakan pada dalil *'aqli* akidah ialah *al-Qiyas* (analogi) khususnya berkaitan perbincangan ketuhanan melalui Sifat 20.

Manakala peranan dan penggunaan Mantik dalam ilmu fikah kebanyakannya dipraktikkan oleh kaedah istinbat daripada ilmu usul fikah. Walaupun Imam al-Shafi'i dikatakan sebagai pengasas kepada ilmu usul fikah melalui karyanya *al-Risalah*, tetapi menurut al-Nashshar (2008: 61), sebilangan pengkaji berpendapat bahawa Imam al-Shafi'i terlebih dahulu terpengaruh dengan ilmu Mantik sehingga beliau menghasilkan kaedah *al-Qiyas* sebagai salah satu dalil dalam mengistinbatkan hukum. Walaupun dakwaan sebegini boleh dipertikaikan keabsahannya, menurut al-Nashshar lagi, kaedah *al-Qiyas* yang digunakan tersebut mempunyai banyak persamaan dengan kaedah *al-Tamthil* yang dikemukakan oleh Mantik Aristotle. Hujah tersebut menjadikan analisis sebilangan pengkaji dimaksudkan itu tidak boleh diketepikan begitu sahaja.

KEDUDUKAN TAKRIF DALAM PERBAHASAN MANTIK

Perbahasan takrif bukan sahaja penting dalam ilmu Mantik, malah dalam semua jurusan ilmu. Sebelum sesuatu ilmu itu dipelajari, perbahasan takrif terlebih dahulu dikupas. Selepas

diketahui istilah dan takrif, barulah disusuli dengan pengajian yang lebih mendalam dalam sesuatu bidang. Kepentingan perbahasan takrif juga dapat dilihat melalui perselisihan dan pertikaian yang berlaku disebabkan oleh kecelaruan dalam memahami sesuatu isu dan tidak ada kesepakatan dalam meletakkan takrif sesuatu istilah dalam permasalahan yang berlaku.

Takrif dalam ilmu Mantik membantu menjelaskan proses tasawur sesuatu kalimah. Apabila kalimah itu difahami dengan jelas, maka ayat boleh dibina daripada kalimah tersebut. Daripada ayat tadi boleh dihasilkan hujah. Proses ini dinamakan *al-Istidlal* yang merupakan bahagian akhir pembahagian ilmu Mantik yang terbahagi kepada tiga tajuk besar, iaitu *al-Tasawur*, *al-Tasdik* dan *al-Istidlal*.

Dengan itu, perbahasan takrif merupakan bahagian penting dalam proses penghujahan ilmu Mantik. Keadaan ini berlaku kerana ayat atau sesuatu kenyataan tidak boleh dipersetujui, kecuali setelah kedua-dua pihak sepakat terhadap takrif perkataan atau kalimah yang ingin digunakan dalam ayat (*statement*) atau *qadiyyah* dalam Mantik.

Syarat utama dalam takrif ialah mesti bersifat *jami'* dan *mani'*. Maksud *jami'* ialah merangkumi semua unsur-unsur yang terdapat dalam takrif kalimah tersebut, sementara *mani'* ialah unsur-unsur lain yang tidak ada kaitan dengan kalimah tersebut tidak dimasukkan ke dalam takrif tersebut.

APLIKASI MANTIK TERHADAP ISU PENGGUNAAN KALIMAH ALLAH

Bahagian ini akan membicarakan tentang aplikasi ilmu Mantik dalam isu penggunaan Kalimah Allah yang menjadi polemik antara ilmuan Islam masa kini. Di antara aliran pemikiran kontemporari ialah fahaman pluralisme agama yang menjadi juara isu penggunaan kalimah Allah swt oleh masyarakat bukan Islam, terutamanya agama Kristian di Malaysia. Mereka mendakwa nama Allah SWT boleh digunakan oleh setiap agama kerana semua manusia adalah sama sahaja sebagai makhluk ciptaan Allah swt. Dalam erti kata lain, orang Kristian bermaksud menggunakan nama tuhan orang Islam bagi merujuk kepada tuhan mereka yang bukan Islam (Khalif Muammar, 2013: 157-185). Kronologi peristiwa tersebut bermula pada 31 Disember 2007, Akhbar *New Straits Times* melaporkan bahawa Kementerian Keselamatan Dalam Negeri telah memberikan kelulusan pembaharuan permit penerbitan bagi akhbar Katolik *Herald: The Catholic Weekly*. Sebelum itu, pihak Kerajaan telah menangguhkan pembaharuan permit tersebut untuk meneliti sama ada penggunaan kalimat Allah untuk merujuk kepada Tuhan dalam agama Kristian sesuatu yang wajar atau tidak wajar. Langkah ini dibuat setelah masyarakat Islam melahirkan rasa tidak puas hati. Ternyata Kerajaan telah mengambil kira pandangan beberapa pihak yang tidak mahu penggunaan kalimat tersebut dibenarkan. Walaupun akhirnya permit diberikan tetapi Kementerian tetap melarang akhbar terbabit untuk menggunakan perkataan Allah sebagai Tuhan agama Kristian.

TAKRIF KALIMAH ALLAH

Maksud penggunaan kalimah Allah oleh bukan Islam ialah penggunaan istilah yang sama/pemberian nama yang sama bagi Tuhan yang berlainan. Bagi menjelaskan lagi isu ini, dirujuk takrif kalimah Allah:

1. Sumber yang pertama dan utama ialah al-Quran yang menjadi panduan kepada umat Islam. Takrif ini diperincikan oleh Allah s.w.t dalam surah al-Ikhlâs yang bermaksud: “Allah SWT Maha Esa. Tidak mempunyai anak dan diperanakkan. Tidak ada sekutu yang menyamai kekuasaannya”.
Ayat ini menerangkan secara jelas dan terang takrif kalimah Allah, sehingga disebut dalam hadis surah ini menyamai satu pertiga al-Quran (al-Bukhari: 6643). Ia membawa maksud ayat-ayat yang lain dalam al-Quran adalah sebagai keterangan terperinci kepada surah ini.
2. *Kamus Dewan* (2019) mentakrifkan kalimah Allah sebagai Tuhan (Yg Esa); ~ azzawajalla Tuhan Yg Maha Baik dan Maha Mulia; ~ subhanahu wa taala terpujilah Tuhan yg Maha Tinggi.
3. *Kamus Oxford* - Allah : Name of God among Muslims.
4. *Eksiklopedia Britannica* - Allah : “God”, the one and only God in the religion of Islam.
5. *Eksiklopedia Katolik* - Let it be noted that although Allah is an Arabic term, it is used by all Moslems, whatever be their language, as the name of God.

TAKRIF TUHAN KRISTIAN

Kristian menegaskan bahawa *trinity* itu merupakan satu bentuk kewujudan Tuhan dalam tiga individu yang bersatu sebagai Tuhan yang satu. “*YaHWeH*” yang merupakan Tuhan pertama dalam *trinity*, wujud dalam bentuk spiritual, tanpa bentuk dan daging. Manakala individu kedua dalam *trinity* iaitu Jesus Christ adalah Tuhan yang mengambil bentuk manusia yang mempunyai dua sifat. Sifat pertamanya adalah berupa ketuhanan dan sifat keduanya berupa manusia. Manakala, *Holy Ghost* (Ruhul Qudus) pula wujud dalam bentuk roh dan sering digambarkan dalam mana-mana potret lukisan *trinity* sebagai burung merpati putih yang terbang dengan cahaya yang bersinar di belakangnya sebagai simbol keamanan atau sebagai puting beliung yang melambangkan simbol kekuatan. *Gospel Matthew*, 3:16 mengukuhkan kenyataan ini: “3:16 And Jesus, when he was baptized, when up straightway out of the water: and, lo, the heavens were opened unto him, and he saw the Spirit of God descending like a dove, and lighting upon him”. Terjemahannya: ‘Sesudah dibaptis, Jesus segera keluar dari air dan pada waktu itu juga langit terbuka dan Ia melihat Roh Tuhan, seperti burung merpati turun ke atas-Nya’.

Kesimpulannya, Tuhan dalam konsep *trinity* wujud dalam tiga bentuk yang bercanggahan dengan Tuhan Yang Maha Esa sebagaimana yang diyakini oleh Yahudi dalam kitab Perjanjian Lama mereka. Kitab Perjanjian Lama (Old Testament) merupakan juga sebahagian daripada Bible.

PERBINCANGAN

Melalui takrif di atas, dapat difahami dengan jelas maksud daripada kalimah Allah swt daripada rujukan Islam dan daripada karangan orang-orang Barat. Justeru itu, tidak boleh dimasukkan dalam takrif itu tuhan-tuhan yang lain, seperti Tuhan agama Kristian yang tidak menepati ciri-ciri takrif yang diberikan.

Konsep ketuhanan dalam Islam amat jelas dan mudah difahami oleh logik akal manusia. Tambahan pula, kalimah Allah digunapakai oleh seluruh umat Islam, tanpa mengira bahasa pertuturan dan bangsa. Mereka menyebut dan menulis dengan menggunakan kalimah Allah. Berlainan dengan agama-agama lain, tidak ada kesepakatan dalam penggunaan nama Tuhan mereka, sebagaimana yang terdapat dalam Islam. Tidak ada kesepakatan dalam menamakan Tuhan mereka, seperti kalimah Jesus, Yahweh, God dan Lord.

Tuhan-tuhan lain tidak boleh dimasukkan ke dalam takrif tersebut, kerana tidak menepati takrif kalimah Allah. Sebagai contoh, tuhan Kristian yang terdiri daripada Tuhan Bapa (Father), Tuhan Anak (God of Son) dan juga Roh Kudus (Holy Spirit). Kesemua nama tersebut tidak boleh dinamakan dengan Allah, kerana ciri-ciri mereka amat jauh tersasar daripada makna dan maksud Allah SWT.

Berdasarkan kepada takrif yang dibentangkan, terdapat perbezaan yang ketara antara takrif yang diberikan oleh Islam dan juga takrif daripada sumber Kristian. Perbezaan ini menjadi hujah kepada pandangan yang tidak membenarkan penggunaan kalimah Allah swt kepada bukan Islam. Jika sekiranya dibenarkan penggunaan tersebut, sudah tentu tidak ada lagi perbezaan ciri-ciri khusus sesuatu perkataan yang membezakan dengan kalimah yang lain.

IMPLIKASI MEMBENARKAN PENGGUNAAN KALIMAH ALLAH

1. Implikasi daripada kebenaran menggunakan kalimah Allah akan membawa kepada kecelaruan segala istilah, seperti terjemahan kalimah syahadah: “Tiada Allah kecuali Allah..”.
2. Tidak boleh membezakan yang mana kalimah Allah yang sebenar (original) dengan kalimah Allah yang tidak sebenar (palsu)
3. Berlaku kecelaruan dalam menamakan sesuatu objek, akibat tidak ada ciri-ciri khusus sesuatu objek, sebagaimana yang dibahaskan oleh ilmu Mantik dan ilmu bahasa.

KESIMPULAN

Walaupun perbahasan penggunaan kalimah Allah oleh bukan Islam dianggap kecil bagi setengah pandangan, namun apabila kaedah takrif yang terdapat dalam ilmu Mantik diaplikasi dalam isu ini, ia memberi implikasi yang ketara dalam setiap penggunaan sesuatu kalimah. Setiap kalimah atau perkataan mempunyai makna yang tersendiri yang membezakan dengan kalimah lain. Apabila sesuatu kalimah boleh digunakan dengan makna yang berlainan dengan sendiri dihapuskan ciri-ciri khusus kalimah tersebut. Hasilnya ialah perbahasan ilmiah tidak ada sifat yang objektif dalam membahaskan sesuatu isu, kerana tidak ada premis yang tetap yang boleh dijadikan asas untuk perbahasan yang lebih lanjut lagi.

RUJUKAN

- ‘Abiydat, ‘Abd al-Karim Nawfan, (2000) *Al-Dilalah al- ‘Aqliyyah fi al-Quran*. Urdun: Dar al-Nafa’is.
- al-Baqillani, Abi Bakar bin al-Tayyib, (2009) *Al-Insaf*. Dlm. Muhammad Zahid al-Kawthari. “Al-‘Aqidah wa Ilm al-Kalam”. Bayrut: Dar al-Kutub al-‘Ilmiyyah.
- al-Bayjuri, Ibrahim bin Muhammad bin Ahmad, (2001) *Tuhfah al-Murid*. Bayrut: Dar al-Kutub al-‘Ilmiyyah.
- al-Buti, Muhammad Sa’id Ramadan, (2009) *Kubra al-Yaqiniyyat al-Kawniyyat*. Damshiq: Dar al-Fikr.
- al-Ghazali, Abu Hamid Muhammad bin Muhammad (1994) *Al-Iqtisad fi al-I’tiqad*. Tahqiq: Muwaffaq Fauzi al-Jabr. Damshiq: al-Hikmah.
- al-Ghazali, Abu Hamid Muhammad bin Muhammad, (T.th) *Al-Risalah al-Laduniyyah. “Majmu’ah Rasail al-Imam al-Ghazali”*. Tahqiq: Ibrahim Amin Muhammad. Qahirah: al-Maktabah al-Taufiqiyyah.
- al-Ghazali, Abu Hamid Muhammad bin Muhammad.2008. *Al-Mustasfa min ‘Ilm al-Usul*. Bayrut: al-Maktabah al-Misriyyah.
- <http://oxforddictionaries.com/definition/english/Allah?q=Allah>. Dilayari pada 3 September 2013
- <http://www.britannica.com/search?query=Allah>. Dilayari pada 3 September 2013
- <http://www.newadvent.org/cathen/01316a.htm>. Dilayari pada 3 September 2013
- Ibn al-‘Imad, Abu al-Falah ‘Abd al-Hayy. 1932. *Shadharat al-Dhdhab fi Akhbar man Dhahab*. Qahirah: Maktabah al-Qudsiyy.
- Ibn Hazm, Abu Muhammad ‘Ali bin Ahmad (1903) *Al-Fasl fi al-Milal wa al-Ahwa wa al-Nihal*. Bayrut: Dar al-Kutub al-‘Ilmiyyah.
- Ibn Khaldun, ‘Abd al-Rahman Ibn Khaldun, (t.th.) *Muqaddimah Ibn Khaldun*. Bayrut: Dar al-Jil.
- Ibn Taymiyyah, Ahmad bin ‘Abd al-Halim, (1949) *Al-Radd ‘ala al-Mantiqiyyin*. Bombay: al-Matba’ah al-Qayyimah.
- JAKIM. (2009), *Kalimah Allah, bukan bermakna "God Semata-mata*, Cawangan Aqidah, Bahagian Penyelidikan JAKIM.
- Khadijah Mohd Hambali, *Perbezaan Penggunaan Kalimah Allah Dalam Agama Islam Dan Agama Kristian*, Jabatan Akidah Dan Pemikiran Islam, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya.
- Khalif Muammar, (2013) *Islam dan Pluralisme Agama*. Kuala Lumpur: CASIS UTM.
- Mahmud, ‘Abd al-Halim, (T.th) *Al-Islam wa al- ‘Aql*. Qahirah: Dar al-Ma’arif.
- al-Maydani, ‘Abd al-Rahman Hasan Habannakah, (1979) *Al- ‘Aqidah al-Islamiyyah wa Ususuha*. Damshiq: Dar al-Qalam.
- Mohd Fauzi Hamat. (1996). Pengaruh Mantiq Terhadap Pemikiran Islam. Tesis MA yang tidak diterbitkan. Kuala Lumpur: Akademi Pengajian Islam UM.
- Muhammad ‘Imarah, (2008) *Maqam al- ‘Aql fi al-Islam*. Qahirah: Nahdah Misr.
- Muhammad ‘Uthman (2008). *Muqaddimah Kitab al-Mantiq Ibn Sina*. Qahirah: Maktabah al-Thaqafah al-Diniyyah.
- Muslim, Abi al-Hussain Muslim bin al-Hajjaj, (2008) *Sahih Muslim*. Qahirah: Dar Ibn Hazm.

al-Nashshar, 'Ali Sami (2008) *Manahij al-Bahth 'Ind Mufakkir al-Islam*. Qahirah: Dar al-Salam.

al-Qaradawi, Yusuf, (1996) *Al-'Aql wa al-'Ilm fi al-Quran al-Karim*. Qahirah: Maktabah Wahbah.

Shah Wali, 'Abd al-Rahman, (1974) *Al-Kindi wa Ara'uh al-Falsafiyah*. Islamabad: Majma' al-Buhuth al-Islamiyyah.